



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



KOD PENDIDIKAN NASIONAL 2020 (NEC-2020)



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KOD PENDIDIKAN NASIONAL 2020 (NEC-2020)



Hak Cipta Terpelihara 2021
© Kementerian Pengajian Tinggi, 2021

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali mendapat kebenaran daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

'Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi'

Diterbitkan oleh:

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar,
Kementerian Pengajian Tinggi,
No.2, Menara 2, Jalan P5/ 6, Presint 5,
62200 Putrajaya, Malaysia**

**Tel: 603-8870 6000
Laman web : www.mohe.gov.my**

ISBN 978-967-26595-0-1

A standard 1D barcode representing the ISBN number 978-967-26595-0-1.

9 7 8 9 6 7 2 6 5 9 5 0 1

KANDUNGAN

Prakata

IV

Kata Aluan

- | | |
|---|-----|
| ► Titipan Aspirasi Menteri Pengajian Tinggi | VI |
| ► Bingkisan Penghargaan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi | VII |

Pembangunan Kod Pendidikan Nasional 2020

- | | |
|--|---|
| ► Latar Belakang | 2 |
| ► Objektif | 3 |
| ► Struktur Kod Pendidikan Nasional 2020 | 3 |
| ► Panduan Penggunaan Kod Pendidikan Nasional 2020 | 3 |
| ► Program dan kelayakan antara disiplin, hibrid atau umum | 3 |
| ► Program dan kelayakan yang tidak dikelaskan dengan lebih lanjut atau tidak terkelas di tempat lain | 5 |

Senarai Kod Pendidikan Nasional 2020

- | | |
|--|----|
| ► 00 Program dan kelayakan generik | 17 |
| ► 01 Pendidikan | 19 |
| ► 02 Sastera dan kemanusiaan | 21 |
| ► 03 Sains sosial, kewartawanan dan maklumat | 29 |
| ► 04 Perniagaan, pentadbiran dan perundangan | 33 |
| ► 05 Sains semulajadi, matematik dan statistik | 38 |
| ► 06 Teknologi maklumat dan komunikasi | 44 |
| ► 07 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan | 47 |
| ► 08 Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar | 57 |
| ► 09 Kesihatan dan kebajikan | 61 |
| ► 10 Perkhidmatan | 67 |

Lampiran

- | | |
|---|----|
| ► Lampiran A Senarai Kod Bernombor berdasarkan Bidang Pengajian dan Program | 76 |
|---|----|

PRAKATA

Kod Pendidikan Nasional (NEC) berfungsi sebagai satu platform bagi sistem pengekodan bidang pendidikan dan latihan pendidikan yang akan membantu mengesan, membuat penilaian dan pelaporan bidang pendidikan dan latihan serta pendaftaran program di Malaysia dengan tepat. Selain membantu memudahkan pelaporan statistik di peringkat antarabangsa, ia juga dapat mempercepatkan proses pengintegrasian data dengan lebih berkesan ke arah data raya sektor pendidikan yang lebih berkualiti dan memenuhi standard antarabangsa.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) selaku peneraju pendidikan tinggi di Malaysia yang merangka dasar-dasar mengenai pembangunan pendidikan negara telah membangunkan Kod Pendidikan Nasional (NEC-2020) dengan berpandukan kepada *ISCED Fields of Education and Training 2013* (ISCED-F 2013) yang dikeluarkan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO). NEC-2020 ini merupakan edisi terkini yang disemak semula dan akan menggantikan NEC terdahulu iaitu edisi tahun 2010. Ini selaras dengan perubahan terkini kerangka kod yang ditetapkan oleh UNESCO dan diguna pakai sebagai rujukan dalam standard pelaporan antarabangsa.

Semakan dan pembangunan NEC-2020 ini telah dibuat dengan kerjasama pegawai di Kementerian/ agensi serta pemegang taruh lain melalui beberapa siri perbincangan dan bengkel yang dijalankan bagi membolehkan semua bidang perincian diliputi. Sehubungan itu, Bahagian merakamkan penghargaan atas kerjasama semua pihak yang turut menyumbang kepada kejayaan penerbitan NEC-2020 ini.

**Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
Kementerian Pengajian Tinggi**



Kod Pendidikan Nasional (NEC) berfungsi sebagai satu platform bagi sistem pengekodan bidang pendidikan dan latihan pendidikan yang akan membantu mengesan, membuat penilaian dan pelaporan bidang pengajian dan latihan serta pendaftaran program di Malaysia dengan tepat.”

TITIPAN ASPIRASI

Menteri Pengajian Tinggi

DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Perubahan teknologi yang pesat serta kemunculan era industri 4.0 telah membawa perubahan kepada bidang pendidikan dan latihan. Ini dapat dilihat melalui kewujudan bidang-bidang baharu seperti *internet of things* dan *gaming technology* bagi memenuhi keperluan industri. Justeru, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengambil inisiatif untuk membuat semakan semula kod bidang pendidikan dan latihan yang diguna pakai sebelum ini. Kandungan program turut ditambah baik selaras dengan standard antarabangsa agar program pengajian baharu, terutamanya yang bersifat hibrid dapat dipetakan dengan tepat. Ini selari dengan pengemaskinian standard peringkat antarabangsa yang telah ditambah baik kepada ISCED-2013.

Dalam hubungan ini, Kod Pendidikan Nasional 2020 (NEC-2020) yang dibangunkan ini akan

menjadi kerangka utama bagi kod rujukan standard bidang pendidikan dan latihan. NEC-2020 dibangunkan berpandukan kepada standard antarabangsa yang dikeluarkan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) selaku agensi antarabangsa yang bertanggungjawab dalam mengumpul, menyusun dan menganalisis statistik perbandingan antara negara mengenai pencapaian pendidikan melalui *International Standard Classification of Education* 97 (ISCED-97).

Menjadi harapan saya agar NEC-2020 ini dapat dimanfaatkan oleh Kementerian/ Agensi berkaitan dalam menentukan klasifikasi bidang pengajian bagi memudahkan pelaporan statistik pendidikan dan latihan di Malaysia. Kementerian juga berharap agar usaha ini dapat membantu melahirkan dan melengkapkan generasi yang berkualiti tinggi dan mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja.

BINGKISAN PENGHARGAAN

**Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi**

DATUK SERI DR. MAZLAN YUSOFF



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Kod Pendidikan Nasional (NEC-2020) berjaya diterbitkan. NEC merupakan kod klasifikasi bagi bidang pendidikan dan latihan yang diwujudkan dengan tujuan untuk mempermudah pengumpulan dan pelaporan data agar selari dengan standard pelaporan di peringkat antarabangsa. NEC-2020 ini akan menggantikan *National Education Code Manual* yang digunakan sejak tahun 2010.

Pembangunan NEC-2020 ini melibatkan pakar akademik, badan profesional serta kementerian dan agensi yang menawarkan pendidikan dan latihan di Malaysia. Dalam penerbitan kali ini juga,

inisiatif telah dibuat dengan memeta NEC-2020 kepada Kod Standard Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) bagi memudahkan semua pihak termasuk pelajar/ graduan, akademia dan industri melaksanakan padanan program pengajian dengan pekerjaan.

Diharapkan NEC-2020 dapat dijadikan rujukan dan panduan dalam menganalisis data berdasarkan definisi dan kod yang seragam, seterusnya menyokong inisiatif data raya di peringkat nasional. Semoga dokumen ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua Kementerian/ Agensi yang terlibat.

Syabas dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dan menggembungkan tenaga bagi merealisasikan penerbitan NEC-2020 ini!





PEMBANGUNAN KOD PENDIDIKAN NASIONAL (NEC-2020)



PEMBANGUNAN KOD PENDIDIKAN NASIONAL (NEC-2020)

1. Latar Belakang

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) selaku agensi antarabangsa yang bertanggungjawab dalam mengumpul, menyusun dan menganalisis statistik perbandingan antara negara mengenai pencapaian pendidikan telah mengeluarkan *International Standard Classification of Education (ISCED)* 1997 sebagai standard pengelasan peringkat pengajian dan bidang pengajian bagi memudahkan pelaporan statistik pendidikan dan latihan oleh semua negara. Pada tahun 2010, Jawatankuasa Teknikal Antara Agensi (IATC) telah memberi mandat kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membangunkan kod rujukan standard bagi pendidikan dan latihan di Malaysia. Lanjut daripada itu, Kod Pendidikan Nasional atau lebih dikenali sebagai *National Education Code (NEC)* telah dikeluarkan oleh KPT pada tahun 2010 dan digunakan sebagai kod rujukan standard bidang pendidikan dan latihan di negara ini sehingga sekarang.

Pada tahun 2014, UNESCO telah menerbitkan ISCED-F 2013 yang menambah baik versi sebelumnya dengan melaksanakan pindaan perincian kepada pengelasan bidang pengajian yang baharu. Sehubungan itu, KPT perlu menyemak semula NEC sedia ada yang merujuk kepada bidang pengajian ISCED 1997 dan telah mengadaptasi kerangka dan prinsip asas yang telah digariskan dalam ISCED-F 2013. NEC-2020 ini merupakan edisi terkini yang disemak semula dan akan menggantikan NEC terdahulu iaitu edisi tahun 2010. Ini selaras dengan perubahan terkini kerangka kod yang ditetapkan oleh UNESCO dan diguna pakai sebagai rujukan dalam standard pelaporan antarabangsa.

Pembangunan NEC-2020 ini dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Badan Profesional, Majlis Dekan IPTA, universiti awam, wakil daripada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) terpilih, Kementerian/ agensi penyedia pendidikan dan latihan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Pertanian & Industri Makanan (MAFI), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui beberapa siri sesi libat urus yang dijalankan. Seterusnya pada 7 Julai 2021 melalui Memorandum Jemaah Menteri bernombor M331/ 2021, KPT telah diberi mandat untuk mengeluarkan Kod Pendidikan Nasional yang dikenali sebagai *National Education Code-2020 (NEC-2020)* yang akan digunakan sebagai rujukan tunggal bagi kod bidang pendidikan dan latihan oleh semua institusi pendidikan dan latihan di Malaysia.

Perubahan teknologi yang pesat dan era industri 4.0 telah mengubah landskap pendidikan dan latihan di seluruh dunia. Kod bidang pendidikan dan latihan nasional sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan program pengajian yang ditawarkan oleh institusi pendidikan dan latihan, kementerian-kementerian dan agensi-agensi terutamanya bagi program pengajian pascasiswazah dan program bersifat hibrid. Sehubungan itu, pelarasan kod yang seragam amat penting bagi memastikan semua pihak berkepentingan menggunakan standard yang sama. Pembangunan NEC-2020 juga dilaksanakan dengan tujuan dapat dipetakan kepada Kod Standard Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) bagi memudahkan pelajar, graduan, akademia dan industri melaksanakan padanan program pengajian dengan pekerjaan. Ini dapat memudah cara pihak yang berkepentingan dalam menyediakan pelaporan statistik yang mengikut standard seragam yang telah ditetapkan dan berpandukan sumber yang sama.

2. Objektif Manual NEC-2020

Manual NEC-2020 dibangunkan bertujuan untuk menyeragamkan penggunaan kod pendidikan dan latihan di antara kementerian dan agensi yang terlibat dengan pendidikan dan latihan di Malaysia.

Justeru, NEC-2020 akan menjadi panduan dan rujukan di dalam pengelasan program pengajian di Malaysia selaras dengan pengelasan yang diguna pakai di peringkat antarabangsa iaitu *International Standard Classification of Education* (ISCED-F 2013). Ini merangkumi semua program pendidikan, seperti pendidikan awal dan berterusan, pendidikan umum dan latihan teknikal & vokasional.

3. Struktur Klasifikasi NEC-2020

- 3.1** Klasifikasi untuk NEC-2020 merangkumi struktur hierarki empat digit yang terdiri daripada bidang pengajian (dua digit), bidang pengkhususan (tiga digit) dan bidang perincian (empat digit). Bidang pengajian merupakan peringkat agregat tertinggi dalam klasifikasi NEC-2020, dengan keseluruhan 12 kategori, masing-masing dipaparkan dengan digit dari ‘00’ hingga ‘99’. Bidang pengkhususan pula merangkumi 59 kategori tiga digit dan 140 kategori bidang terperinci empat digit.

Jadual berikut menggambarkan struktur bagi pengelasan bidang daripada bidang pengajian sehingga bidang perincian dengan menggunakan ‘Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan’ sebagai contoh:

Klasifikasi	Tajuk	Kod
Bidang Pengajian	Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	07
Bidang Pengkhususan	Pembuatan dan pemprosesan	072
Bidang Perincian	Pemprosesan makanan	0721

- 3.2** Meskipun NEC-2020 ini bersandarkan dan mengadaptasi ISCED-2013, namun beberapa penambahbaikan telah dibuat di peringkat bidang pengkhususan (tiga digit) dan bidang perincian (empat digit) bagi menyesuaikan dengan bidang pendidikan dan latihan di Malaysia.
- 3.3** Perbezaan bidang antara NEC 2010 dan NEC-2020 adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Perbezaan Bidang antara NEC 2010 dan NEC-2020

NEC 2010	NEC-2020
0 Program asas	00 Program dan kelayakan generik
1 Pendidikan	01 Pendidikan
2 Sastera dan kemanusiaan	02 Sastera dan kemanusiaan
3 Sains sosial, perniagaan dan perundangan	03 Sains sosial, kewartawanan dan maklumat
	04 Perniagaan, pentadbiran dan perundangan
4 Sains, matematik dan komputer	05 Sains semula jadi, matematik dan statistik
	06 Teknologi maklumat dan komunikasi
5 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	07 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan
6 Pertanian dan veterinar	08 Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar
7 Kesihatan dan kebajikan	09 Kesihatan dan kebajikan
8 Perkhidmatan	10 Perkhidmatan
	99 Bidang tidak diketahui

Bagi memudahkan kefahaman pengguna, jadual terperinci perbandingan NEC-2020 dan NEC 2010 turut dimuat naik di laman web KPT dan portal GREaT kementerian.

PANDUAN PENGGUNAAN NEC-2020

- Apabila mengklasifikasikan sesuatu program pendidikan atau kumpulan program, lihat kepada gambaran keseluruhan klasifikasi di halaman 10 hingga 16. Mulai dengan menentukan bidang pengajian mana yang perlu dikelaskan. Seterusnya, lihat kepada bidang pengkhususan.
- Apabila anda telah menemui bidang pengkhususan yang bersesuaian, semak keterangan bidang berkenaan dengan kandungan bidang tersebut pada halaman 17 hingga 72 dan lihat bidang paling bersesuaian dengan program (kumpulan program) yang akan diklasifikasikan. Anda juga boleh merujuk pada Lampiran A yang menyenaraikan kandungan program dalam urutan bernombor.
- Setiap keterangan bidang mempunyai senarai subjek utama program seperti yang ditentukan dalam perincian bidang tertentu. Semak senarai kandungan bagi memastikan program pengelasan berada pada kod yang betul.

Program dan kelayakan antara-disiplin, hibrid atau umum

Bahagian ini membantu untuk menggabungkan kriteria yang mengatur klasifikasi program tertentu dengan program yang mempunyai lebih dari satu bidang pendidikan dan latihan. Pengguna perlu menentukan klasifikasi program antara-disiplin dan program umum dengan mengikuti panduan dan contoh yang diberikan di bawah.

- Program dan kelayakan antara-disiplin, hibrid atau umum merupakan gabungan beberapa bidang pendidikan dan latihan terperinci di mana tiada satu bidang terperinci yang mendominasi. Banyak program dan kelayakan antara-disiplin merangkumi beberapa bidang pengajian atau pengkhususan. Dalam pengelasan ini, ‘peraturan subjek utama’ digunakan untuk penentuan bidang pengajian yang sepatutnya dimasukkan dalam klasifikasi pengajian antara-disiplin. Ini bermaksud, subjek atau subjek utama akan menentukan bidang pengajian (umum). Seperti sebelumnya, kriteria untuk menentukan subjek utama ini adalah jumlah kredit pembelajaran atau masa pembelajaran yang diambil oleh pelajar. Program antara-disiplin perlu dikelaskan dengan menggunakan ‘8’ pada peringkat bidang pengkhususan dan bidang perincian (iaitu xx88) dalam bidang pengajian sebagai ‘Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan [bidang pengajian]’. Justeru, semua program antara-disiplin tanpa subjek dominan akan dikenal pasti secara berasingan dan, sekurang-kurangnya, bidang program atau kelayakan akan diketahui.

Contoh 1: Program yang terdiri daripada bidang umum yang sama (masing-masing satu pertiga) iaitu dasar awam dan sains politik (0312), kewartawanan dan pelaporan (0321) dan media dan komunikasi (0323) perlu dikelaskan sebagai 0388 ('Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains sosial, kewartawanan dan maklumat'). Sekiranya program tersebut terdiri daripada 60% dasar awam dan sains politik, 20% kewartawanan dan 20% pelaporan, program tersebut harus dikelaskan sebagai 0312 memandangkan dasar awam dan sains politik adalah subjek yang dominan.

- Apabila lebih daripada satu bidang pengajian utama dikenal pasti, pengajian antara-disiplin perlu dikelaskan dalam bidang pengajian yang disenaraikan terlebih dahulu dalam tajuk (atau dalam silibus atau kurikulum jika tidak disenaraikan dalam tajuk) program atau kelayakan. Sekiranya tiada maklumat yang mencukupi untuk menentukan subjek utama, peraturan ‘senarai pertama’ yang dijelaskan dalam para sebelumnya perlu diaplikasi.
- Program atau kelayakan yang merangkumi **dua atau lebih bidang perincian** di mana masa pembelajaran bidang perincian paling banyak diperuntukkan atau mewakili bahagian utama kredit pembelajaran perlu dikelaskan dalam bidang perincian tersebut. Justeru, sekiranya sebahagian besar kredit pembelajaran atau masa pembelajaran yang dimaksudkan diperuntukkan untuk satu bidang perincian tersebut, program/ kelayakan harus dikelaskan dalam bidang perincian itu dan bukan sebagai program/ kelayakan antara-disiplin.

Contoh 2: Program pengkhususan jurusan matematik dengan minor dalam bahasa Perancis harus dikelaskan sebagai 0541 ‘Matematik’ memandangkan ia adalah subjek yang dominan.

Contoh 3: Program yang terdiri daripada 40% kejuruteraan dan tred kejuruteraan (071), 30% perniagaan dan pengurusan (041) dan 30% bahasa (023) perlu dikelaskan sebagai 0788 (‘Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan’) memandangkan tiada bidang yang mendominasi namun bidang pengajian 07 adalah bidang yang utama. Sekiranya kejuruteraan dan perniagaan mempunyai sumbangan peratus yang sama penting dan lebih besar daripada bahasa (contohnya 40%, 40% dan 20%), program ini boleh dikelaskan sebagai 0788 atau 0488 bergantung pada program, kejuruteraan dan tred kejuruteraan (071) atau perniagaan dan pengurusan (041), yang disenaraikan pertama dalam tajuk program (atau dalam kurikulum atau silibus jika tidak dinyatakan dalam program).

Contoh 4: Program yang mengandungi 40% sejarah dan arkeologi (0222), 30% ekonomi (0311) dan 30% dasar awam dan sains politik (0312) perlu dikelaskan sebagai 0388 (‘Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains sosial, kewartawanan dan maklumat’) memandangkan ekonomi dan politik adalah dikelompokkan di dalam bidang pengajian yang sama.

4. Program dan kelayakan yang direka khas spesifik bagi bidang vokasional serta mengandungi subjek subsidiari daripada bidang pengajian yang lain tidak boleh dikelaskan sebagai program dan kelayakan antara-disiplin dan perlu dikelaskan berdasarkan bidang vokasional spesifik tersebut.

Contoh 5: Bagi program pemasangan elektrikal, jumlah masa pembelajaran mungkin lebih banyak diperuntukkan bagi subjek subsidiari (bahasa, matematik, sains kaji bumi dan lain-lain) berbanding masa pembelajaran bagi subjek vokasional tersebut. Walau bagaimanapun, program ini perlu dikelaskan sebagai 0712 ‘kuasa elektrik dan tenaga’ dan bukan sebagai program antara-disiplin.

5. ‘Peraturan subjek utama’ merupakan kaedah terbaik bagi pengelasan program dan kelayakan antara-disiplin selagi penggunaan satu kod dapat menggambarkan program pengajian sebagaimana yang disyorkan di dalam manual ini.

Program dan kelayakan yang tidak dikelaskan dengan lebih lanjut atau tidak terkelas di tempat lain

1. Dua (2) perkara yang perlu diberikan perhatian semasa melaksanakan pengelasan bidang pendidikan dan latihan dalam pengumpulan data tertentu iaitu:
 - a. Program atau kelayakan yang tiada maklumat lanjut. Kes seperti ini dikategorikan sebagai ‘tidak dikelaskan dengan lebih lanjut’ dan perlu menggunakan kod ‘0’ pada digit terakhir bidang pengkhususan atau bidang perincian (berdasarkan kesesuaian).

Contoh 6: Program di dalam bidang pendidikan yang tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai pengkhususan perlu dikelaskan sebagai 0110 ‘Pendidikan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut’ (contoh program ialah Sarjana Pendidikan). Justeru, terdapat beberapa kes tidak boleh dikelaskan sebagai program antara-disiplin atau umum.

Contoh 7: Program di dalam bidang perkhidmatan yang tidak mempunyai maklumat lanjut mengenai pengkhususan perlu dikelaskan sebagai 1000 ‘Perkhidmatan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut’.

- b. Program atau kelayakan yang mengandungi bidang perincian tetapi tidak dinyatakan di dalam senarai perincian. Kes seperti ini boleh dikategorikan sebagai ‘tidak terkelas di tempat lain’ dengan menggunakan kod ‘9’ di dalam bidang perincian (digit terakhir).

Contoh 8: Program di dalam bidang baharu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang tidak dinyatakan di dalam senarai bidang perincian tersebut perlu dikelaskan sebagai 0619 ‘Teknologi maklumat dan komunikasi tidak terkelas di tempat lain’.


2. Jadual 1 boleh dijadikan panduan bagi memudahkan kefahaman pengguna berhubung penggunaan kod “0”, “8”, dan “9”.

Jadual 1: Kod tambahan

Kod	Nama	Penggunaan
0	Tidak dijelaskan dengan lebih lanjut	Tiada maklumat lanjut berhubung perincian
8	Program atau kelayakan antara-disiplin	Program atau kelayakan yang tidak mempunyai bidang dominan
9	Tidak terkelas di tempat lain	Mengandungi bidang perincian tetapi tidak dinyatakan di dalam senarai perincian

3. Bagi bidang pengajian baharu atau masih belum dikenal pasti, pemakaian kod ‘9999’, ‘999’ atau ‘99’ boleh digunakan sebagai kaedah terakhir dalam penentuan kod bidang pengajian.

Muka surat ini dibiarkan kosong.





SENARAI KOD PENDIDIKAN NASIONAL (NEC-2020)



SENARAI KOD PENDIDIKAN NASIONAL (NEC-2020)

BIDANG PENGAJIAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIDANG PERINCIAN
00 Program dan kelayakan generik	000 Program dan kelayakan generik tidak dijelaskan dengan lebih lanjut	0000 Program dan kelayakan generik tidak dijelaskan dengan lebih lanjut
	001 Program dan kelayakan asas	0011 Program dan kelayakan asas
	002 Literasi dan numerasi	0021 Literasi dan numerasi
	003 Kemahiran kendiri	0031 Kemahiran kendiri
	009 Program dan kelayakan generik tidak terkelas di tempat lain	0099 Program dan kelayakan generik tidak terkelas di tempat lain
01 Pendidikan	011 Pendidikan	0110 Pendidikan yang tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0111 Sains pendidikan 0112 Latihan perguruan pra-sekolah 0113 Latihan tenaga pengajar tanpa penghususan 0114 Latihan tenaga pengajar dengan penghususan subjek 0119 Program dan kelayakan melibatkan pendidikan tidak terkelas di tempat lain
	018 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan pendidikan	0188 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan pendidikan

BIDANG PENGAJIAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIDANG PERINCIAN
02 Sastera dan kemanusiaan	020 Sastera dan kemanusiaan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 021 Sastera 022 Kemanusiaan (kecuali bahasa) 023 Bahasa 028 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sastera dan kemanusiaan 029 Sastera dan kemanusiaan tidak terkelas di tempat lain	0200 Sastera dan kemanusiaan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0210 Sastera tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0211 Teknik audio-visual dan penerbitan media 0212 Fesyen, reka bentuk industri dan dalaman 0213 Seni halus 0214 Kemahiran kraftangan 0215 Muzik dan seni persesembahan 0216 Pengajian filem, televisyen dan skrin 0219 Sastera tidak terkelas di tempat lain 0220 Kemanusiaan (kecuali bahasa) tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0221 Agama dan teologi 0222 Sejarah dan arkeologi 0223 Falsafah dan etika 0224 Pengajian Islam 0229 Kemanusiaan (kecuali bahasa) tidak terkelas di tempat lain 0230 Bahasa tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0231 Pemerolehan bahasa 0232 Kesusaasteraan dan linguistik 0233 Bahasa kebangsaan 0239 Bahasa tidak terkelas di tempat lain 0288 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sastera dan kemanusiaan 0299 Sastera dan kemanusiaan tidak terkelas di tempat lain

BIDANG PENGAJIAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIDANG PERINCIAN
03 Sains sosial, kewartawanan dan maklumat	030 Sains sosial, kewartawanan dan maklumat tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 031 Sains tingkah laku dan sosial 032 Kewartawanan, maklumat dan komunikasi 038 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains sosial, kewartawanan dan maklumat 039 Sains sosial, kewartawanan dan maklumat tidak terkelas di tempat lain	0300 Sains sosial, kewartawanan dan maklumat tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0310 Sains tingkah laku dan sosial tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0311 Ekonomi 0312 Dasar awam dan sains politik 0313 Psikologi 0314 Sosiologi dan pengajian kebudayaan 0319 Sains tingkah laku dan sosial tidak terkelas di tempat lain 0320 Kewartawanan, maklumat dan komunikasi tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0321 Kewartawanan dan pelaporan 0322 Pengajian arkib, maklumat dan perpustakaan 0323 Media dan komunikasi 0329 Kewartawanan, maklumat dan komunikasi tidak terkelas di tempat lain 0388 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains sosial, kewartawanan dan maklumat 0399 Sains sosial, kewartawanan dan maklumat tidak terkelas di tempat lain
04 Perniagaan, pentadbiran dan perundangan	040 Perniagaan, pentadbiran dan perundangan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 041 Perniagaan dan pengurusan 042 Undang-undang 048 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan perniagaan, pentadbiran dan undang-undang 049 Perniagaan, pentadbiran dan perundangan tidak terkelas di tempat lain	0400 Perniagaan, pentadbiran dan perundangan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0410 Perniagaan dan pengurusan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0411 Perakaunan, pengauditan dan percuakan 0412 Kewangan, perbankan dan insurans 0413 Perbankan dan kewangan Islam 0414 Pengurusan dan pentadbiran 0415 Pemasaran dan pengiklanan 0416 Kesetiausahaan dan pengajian pengurusan pejabat 0417 Kemahiran pekerjaan 0419 Perniagaan dan pengurusan tidak terkelas di tempat lain 0421 Undang-undang 0488 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan perniagaan, pentadbiran dan undang-undang 0499 Perniagaan, pentadbiran dan perundangan tidak terkelas di tempat lain

BIDANG PENGAJIAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIDANG PERINCIAN
05 Sains semulajadi, matematik dan statistik	050 Sains semulajadi, matematik dan statistik tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 051 Biologi dan sains berkaitan 052 Alam sekitar 053 Sains fizikal 054 Matematik dan statistik 058 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains semula jadi, matematik dan statistik 059 Sains semulajadi, matematik dan statistik tidak terkelas di tempat lain	0500 Sains semulajadi, matematik dan statistik tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0510 Biologi dan sains berkaitan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0511 Biologi 0512 Biokimia 0519 Biologi dan sains berkaitan tidak terkelas di tempat lain 0520 Alam sekitar tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0521 Sains alam sekitar 0522 Persekutaran semula jadi dan hidupan liar 0529 Alam sekitar tidak terkelas di tempat lain 0530 Sains fizikal tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0531 Kimia 0532 Sains kaji bumi 0533 Fizik 0539 Sains fizikal tidak terkelas di tempat lain 0540 Matematik dan statistik tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0541 Matematik 0542 Statistik 0588 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains semula jadi, matematik dan statistik 0599 Sains semulajadi, matematik dan statistik tidak terkelas di tempat lain
06 Teknologi maklumat dan komunikasi	061 Teknologi maklumat dan komunikasi 068 Program dan kelayakan antara-disiplin melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi	0610 Teknologi maklumat dan komunikasi tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0611 Teknologi maklumat dan sistem maklumat 0612 Kejuruteraan perisian 0613 Sains komputer 0614 Penggunaan komputer 0619 Teknologi maklumat dan komunikasi tidak terkelas di tempat lain 0688 Program dan kelayakan antara-disiplin melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi

BIDANG PENGAJIAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIDANG PERINCIAN
07 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	070 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 071 Kejuruteraan dan tred kejuruteraan	0700 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0710 Kejuruteraan dan tred kejuruteraan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0711 Kejuruteraan kimia dan proses 0712 Kuasa elektrik dan tenaga 0713 Elektronik dan automasi 0714 Mekanik dan tred logam 0715 Kenderaan bermotor, kapal dan pesawat udara 0716 Kejuruteraan awam 0717 Teknologi perlindungan alam sekitar 0719 Kejuruteraan dan tred kejuruteraan yang tidak terkelas di tempat lain 0720 Pembuatan dan pemprosesan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut
	072 Pembuatan dan pemprosesan	0721 Pemprosesan makanan 0722 Bahan (kaca, kertas, plastik dan kayu) 0723 Tekstil (pakaian, kasut dan kulit) 0724 Perlombongan dan pengekstrakan 0729 Pembuatan dan pemprosesan tidak terkelas di tempat lain
	073 Seni bina, kaji ukur dan perancangan bandar	0730 Seni bina, kaji ukur dan perancangan bandar tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0731 Seni bina 0732 Perancangan bandar dan wilayah 0733 Bangunan dan pembinaan 0734 Kaji ukur
	074 Teknologi kejuruteraan	0741 Teknologi kejuruteraan
	078 Program dan kelayakan antara-disiplin melibatkan kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan	0788 Program dan kelayakan antara-disiplin melibatkan kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan
	079 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan tidak terkelas di tempat lain	0799 Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan tidak terkelas di tempat lain

BIDANG PENGAJIAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIDANG PERINCIAN
08 Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	080 Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 081 Pertanian 082 Perhutanan 083 Perikanan 084 Veterinar 088 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar 089 Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar tidak terkelas di tempat lain	0800 Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0810 Pertanian tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0811 Penghasilan tanaman dan ternakan 0812 Hortikultur 0819 Pertanian tidak terkelas di tempat lain 0821 Perhutanan 0831 Perikanan 0841 Veterinar 0888 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar 0899 Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar tidak terkelas di tempat lain
09 Kesihatan dan kebajikan	090 Kesihatan dan kebajikan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 091 Kesihatan 092 Kebajikan 098 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan kesihatan dan kebajikan 099 Kesihatan dan kebajikan tidak terkelas di tempat lain	0900 Kesihatan dan kebajikan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0910 Kesihatan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0911 Pengajian pergigian 0912 Perubatan 0913 Kejururawatan, perbidanan dan pembantu perubatan 0914 Diagnostik perubatan dan teknologi rawatan 0915 Terapi dan rehabilitasi 0916 Farmasi 0917 Perubatan tradisional, komplimentari dan terapi 0919 Kesihatan tidak terkelas di tempat lain 0920 Kebajikan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 0921 Penjagaan orang tua dan orang kurang upaya 0922 Penjagaan kanak-kanak dan perkhidmatan belia 0923 Kaunseling dan kerja sosial 0929 Kebajikan tidak terkelas di tempat lain 0988 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan kesihatan dan kebajikan 0999 Kesihatan dan kebajikan tidak terkelas di tempat lain

BIDANG PENGAJIAN	BIDANG PENGKHUSUSAN	BIDANG PERINCIAN
10 Perkhidmatan	100 Perkhidmatan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 101 Perkhidmatan kendiri	1000 Perkhidmatan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 1010 Perkhidmatan kendiri tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 1011 Perkhidmatan domestik 1012 Perkhidmatan dandan rambut dan kecantikan 1013 Hotel, restoran dan katering 1014 Sukan 1015 Pengembaraan, pelancongan dan aktiviti senggang 1019 Perkhidmatan kendiri tidak terkelas di tempat lain 1020 Perkhidmatan kebersihan dan kesihatan pekerjaan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 1021 Sanitasi komuniti 1022 Kesihatan dan keselamatan pekerjaan 1029 Perkhidmatan kebersihan dan kesihatan pekerjaan tidak terkelas di tempat lain 1030 Perkhidmatan keselamatan tidak dijelaskan dengan lebih lanjut 1031 Ketenteraan dan pertahanan 1032 Perlindungan orang dan harta benda 1039 Perkhidmatan keselamatan tidak terkelas di tempat lain 1041 Perkhidmatan pengangkutan 108 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan perkhidmatan 109 Perkhidmatan tidak terkelas di tempat lain
99 Bidang tidak diketahui	999 Bidang tidak diketahui	9999 Bidang tidak diketahui

00 PROGRAM DAN KELAYAKAN GENERIK

Program dan kelayakan generik adalah bidang pengajian bagi program pendidikan kemahiran asas dan kendiri yang merangkumi pelbagai subjek dan tidak menekankan atau mengkhususkan kepada bidang pengajian atau bidang pengkhususan tertentu.

Bidang pengajian ini tidak boleh dikategorikan sebagai salah satu program dan kelayakan yang mempunyai penekanan kepada subjek tertentu. Program dan kelayakan yang memberi penekanan kepada subjek tertentu perlu dikelaskan di dalam bidang pengajian 01 hingga 10. Pendidikan peringkat tertiari adalah dikecualikan dari bidang pengajian ini melainkan sekiranya dinyatakan sebaliknya.

001 Program dan kelayakan asas

0011 Program dan kelayakan asas

Program dan kelayakan asas adalah bertujuan untuk menyediakan pelajar kemahiran asas dalam membaca, menulis dan mengira serta pemahaman asas mengenai mata pelajaran seperti sejarah, geografi, sains semulajadi, sains sosial, seni dan muzik serta keagamaan. Kebiasaannya, program dan kelayakan ini ditawarkan di peringkat rendah dan menengah rendah. Program tanpa pengkhususan di peringkat menengah atas juga dikategorikan di dalam bidang pengajian ini walaupun terdapat penumpuan contohnya seperti program kemanusiaan, sains sosial, sains semulajadi dan lain-lain. Program dan kelayakan vokasional adalah termasuk di dalam bidang pengajian ini melainkan sekiranya dinyatakan sebaliknya.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Program dan kelayakan asas
- Program dan kelayakan generik (bukan pengkhususan)
- Program dan kelayakan umum tanpa penekanan subjek khusus
- Program dan kelayakan di peringkat sekolah rendah

Termasuk

Program dan kelayakan asas di peringkat menengah atas (di beberapa negara di peringkat menengah rendah) dengan penekanan kepada program kumanusiaan, sains sosial, sains semulajadi dan lain-lain tetapi masih merangkumi bidang pengetahuan lain termasuk dalam bidang perincian ini. Program dan kelayakan asas secara modular juga dikelaskan di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Program yang dikategorikan sebagai umum (bukan vokasional) tetapi mempunyai penekanan yang jelas terhadap bidang pengajian, bidang pengkhususan dan bidang perincian adalah dikecualikan dari bidang pengajian ini dan termasuk di dalam bidang pengajian 01 hingga 10, bergantung kepada subjek yang diliputi.

002 Literasi dan numerasi

0021 Literasi dan numerasi

Literasi dan numerasi adalah program atau kelayakan yang disediakan khas kepada golongan dewasa bertujuan untuk mengajar kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Umur pelajar boleh digunakan untuk membezakan bidang perincian 0011 ‘Program dan kelayakan asas’ dan bidang perincian ini. Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

Program pemulihan asas untuk golongan belia atau dewasa
 Literasi
 Numerasi

003 Kemahiran kendiri

0031 Kemahiran kendiri

Kemahiran kendiri merujuk kepada tindak balas keupayaan individu (mental, sosial dan lain-lain). Bidang perincian ini merangkumi program kemahiran kendiri yang tidak termasuk di dalam 0011 ‘Program dan kelayakan asas’ atau 0021 ‘Literasi dan numerasi’, mengambil kira kecekapan dan kemahiran boleh pindah.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

Pembentangan dan perdebatan
 Latihan assertif
 Kemahiran komunikasi
 Kerja berpasukan
 Pembangunan keupayaan tingkah laku
 Pembangunan kemahiran mental
 Program pencarian pekerjaan
 Kursus keibubapaan
 Pengucapan awam
 Kemahiran meningkatkan keyakinan diri
 Keupayaan sosial
 Pengurusan masa

Termasuk

Pendidikan dan latihan kepimpinan di dalam konteks pembangunan kendiri adalah termasuk di dalam bidang perincian ini.

Pendidikan dan latihan yang berkaitan tempat kerja atau tugas kerja adalah termasuk dalam bidang perincian ini sekiranya ia lebih kepada pembangunan kendiri berbanding pembangunan kerja. Kursus kemahiran kendiri boleh dilaksanakan di tempat kerja, namun masih dikelaskan di sini berdasarkan kandungan kursus.

Program bagi orang berkeperluan khas berhubung tatacara pengurusan kehidupan harian juga termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Pengajian mengenai kepimpinan di dalam konteks pengurusan adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian 0414 ‘Pengurusan dan Pentadbiran’.

01 PENDIDIKAN

0111 Pendidikan

0111 Sains pendidikan

Sains pendidikan adalah bidang pengajian bagi proses pembelajaran dan teori, kaedah serta teknik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang lain.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Pengajian kurikulum
- Didaktik
- Pengukuran, pengujian dan penilaian pendidikan
- Penyelidikan dan penilaian pendidikan
- Sains pedagogi

Tidak termasuk

Program latihan perguruan yang menggabungkan sains pendidikan dengan latihan pengajaran adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian bagi latihan perguruan (0112-0114).

0112 Latihan perguruan pra-sekolah

Latihan perguruan pra-sekolah adalah bidang pengajian mengenai teori, kaedah dan pengajaran praktikal bagi kanak-kanak yang sangat muda sehingga mencapai umur 7 tahun di dalam sistem persekolahan formal pada peringkat pra-sekolah atau perkembangan pendidikan awal kanak-kanak.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Pendidikan awal kanak-kanak (di dalam sistem persekolahan formal)
- Latihan perguruan pra-sekolah

Tidak termasuk

Latihan bagi penjagaan kanak-kanak di luar sistem persekolahan formal adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0922 ‘Penjagaan kanak-kanak dan perkhidmatan belia’.

0113 Latihan tenaga pengajar tanpa pengkhususan

Latihan kepada tenaga pengajar (guru, pengajar, tutor dll) tanpa pengkhususan subjek adalah bidang pengajian mengenai teori, kaedah dan praktikal bagi pengajaran kanak-kanak di antara umur 5 hingga 15 tahun melibatkan kemahiran asas seperti membaca, menulis dan mengira berserta dengan kefahaman asas bagi lain-lain subjek seperti sejarah, geografi, sains sosial dan lain-lain serta meletakkan asas pembelajaran sepanjang hayat. Pengkhususan subjek kurang ditekankan berbanding bidang 0114 ‘Latihan tenaga pengajar dengan pengkhususan subjek’. Pengajaran bagi pengajaran kanak-kanak berkeperluan khas adalah termasuk di dalam bidang perincian ini, begitu juga pengajaran bagi pengajaran asas membaca dan menulis untuk orang dewasa serta imigran dan kemahiran bahasa pertama untuk imigran.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Latihan guru kelas
- Latihan perguruan orang asli
- Pengajaran sekolah rendah
- Latihan perguruan bagi kanak-kanak berkeperluan khas

Termasuk

Pengajian bagi pengajaran orang dewasa yang melibatkan asas literasi dan numerasi dan pembantu guru (pembantu pengajar) termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Latihan tenaga pengajar dengan pengkhususan subjek yang bertujuan untuk pengajaran sekolah rendah atau menengah rendah adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah pengkhususan 0114 ‘Latihan tenaga pengajar dengan pengkhususan subjek’.

0114 Latihan tenaga pengajar dengan pengkhususan subjek

Latihan tenaga pengajar dengan pengkhususan subjek adalah bidang pengajian mengenai teori, kaedah dan praktikal bagi pengajaran subjek yang spesifik terutamanya di peringkat menengah, institusi pendidikan tinggi dan institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET). Program dan kelayakan yang termasuk di dalam bidang perincian ini adalah kebiasaan merangkumi pengajian begitu juga subjek yang akan diajar.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Latihan tenaga pengajar - seni dan kraf
- Latihan tenaga pengajar - subjek komersial
- Latihan tenaga pengajar - muzik
- Latihan tenaga pengajar - kejururawatan
- Latihan tenaga pengajar - latihan fizikal
- Latihan tenaga pengajar - bahasa kedua
- Latihan tenaga pengajar - subjek teori spesifik seperti Bahasa Inggeris, matematik dan sejarah
- Latihan tenaga pengajar - teknikal dan vokasional
- Latihan tenaga pengajar - bahasa asing/ antarabangsa
- Latihan tenaga pengajar - penyampaian dan pembangunan kandungan e-pembelajaran
- Latihan tenaga pengajar memandu
- Latihan pelatih

Termasuk

Kursus latihan tenaga pengajar untuk tenaga pengajar institusi pengajian tinggi, tenaga pengajar institusi TVET, tenaga pengajar di tempat kerja dan kemahiran hidup bekerja dan dalam subjek praktikal dan seni termasuk di bawah bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Latihan kepada jurulatih sukan tidak termasuk di bawah bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 1014 ‘Sukan’.

018 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan pendidikan

0188 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan pendidikan

Program dan kelayakan antara-disiplin yang mana masa pembelajaran paling banyak diperuntukkan kepada pendidikan adalah dikelaskan di dalam bidang perincian ini.

02 SASTERA DAN KEMANUSIAAN

021 Sastera

0211 Teknik audio-visual dan penerbitan media

Teknik audio-visual dan penerbitan media adalah bidang pengajian mengenai teknik dan kemahiran untuk menerbitkan buku atau surat khabar, radio atau produksi televisyen, produksi rakaman muzik dan penerbitan semula grafik. Ia termasuk program dan kelayakan dalam kaedah penghasilan semula warna, fotografi dan grafik komputer. Pengajian yang menggabungkan gambar, perkataan dan dekorasi di dalam penerbitan buku, majalah, poster, iklan dan lain-lain adalah termasuk di sini.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Animasi
- Penjilidan buku
- Pengendalian kamera
- Penggubahan (percetakan)
- Penerbitan permainan komputer
- Penetapan jenis komputer
- Reka bentuk grafik
- Penerbitan semula grafik
- Ilustrasi
- Reka bentuk media interaktif
- Teknik media
- Penerbitan multimedia
- Fotografi
- Operasi pra-penerbitan
- Penjilidan dan kemasan percetakan
- Percetakan
- Reka bentuk percetakan, susun atur
- Penerbitan TV dan radio
- Penerbitan rakaman muzik
- Teknik bunyi
- Jenis tetapan

Termasuk

Penerbitan dan susun atur desktop adalah termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Program dan kelayakan yang melibatkan penggunaan aplikasi perisian yang spesifik untuk penerbitan desktop dan pembangunan laman sesawang adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0614 ‘Penggunaan komputer’.

Pengajian kewartawanan (perkataan dan kandungan hebahan) adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0321 ‘Kewartawanan, pelaporan dan komunikasi’.

0212 Fesyen, reka bentuk industri dan dalaman

Fesyen, reka bentuk industri dan dalaman adalah bidang pengajian yang secara kreatif menggabung garisan, bentuk dan fabrik dalam mereka bentuk dan membina sebagai contohnya fesyen pakaian, produk industri dan reka bentuk dalaman.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Reka bentuk kostum
- Reka bentuk produk industri
- Reka bentuk fesyen
- Reka bentuk industri (artistri)
- Reka bentuk dalaman
- Reka bentuk pentas
- Hiasan jendela

Tidak termasuk

Pembelajaran mengenai reka bentuk bangunan adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0731 ‘Seni bina’.

Pembelajaran mengenai reka bentuk industri adalah dikecualikan dari bidang perincian ini sekiranya penekanan diberikan kepada subjek teknikal dan bukan kepada reka bentuk seni dan termasuk di bawah bidang pengkhususan 071 ‘Kejuruteraan dan tred kejuruteraan’.

Reka bentuk penerbitan dan grafik adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0211 ‘Teknik audio-visual dan penerbitan media’.

0213 Seni halus

Seni halus adalah bidang pengajian yang berbentuk visual ekspresi kreatif yang melibatkan teori, sejarah, teknik, persempahan dan penerbitan bagi seni halus.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Teori kesenian
- Kaligrafi
- Goresan
- Pembuatan cetakan seni halus
- Sejarah kesenian
- Lukisan
- Falsafah kesenian
- Ukir

Tidak termasuk

Latihan berkaitan seramik, tembikar dan yang berkaitan adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0214 ‘Kemahiran kraftangan’.

Pengajian mengenai seni bina adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0731 ‘Seni bina’.

Latihan tenaga pengajar di dalam bidang seni adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0114 ‘Latihan tenaga pengajar dengan pengkhususan subjek’.

0214 Kemahiran kraftangan

Kemahiran kraftangan adalah pengajian mengenai teknik dan kemahiran di dalam kraf terpilih seperti barang kemas, tembikar, anyaman, ukiran kayu dan yang berkaitan.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Seramik
- Kraf, seni warisan dan artisan
- Kraf logam hiasan
- Kraftangan orang asli
- Sulaman
- Seni gentian
- Gubahan bunga
- Kraf dan seni kaca
- Pertukangan emas
- Kraftangan
- Barang kemas
- Pembuatan alat muzik (bukan industri)
- Alat muzik (pembaikan dan penalaan)
- Pertukangan perak
- Ukir batu
- Seni tekstil
- Seni anyaman
- Ukir kayu

Tidak termasuk

Pengajian mengenai pembuatan tembikar, bahan anyaman, sulaman dan yang berkaitan bagi tujuan industri (berskala besar) adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian di bawah bidang pengajian 07 ‘Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan’.

0215 Muzik dan seni persembahan

Muzik dan seni persembahan adalah bidang pengajian mengenai prinsip dan teknik yang berkaitan dengan persembahan yang melibatkan muzik, ucapan, pergerakan, ajukan, perwatakan, penambahbaikan dan seni pentas.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Lakonan dan pengarahan
- Ballet
- Koreografi
- Sarkas
- Penggubahan (muzik)
- Pengarahan (muzik)
- Seni persembahan dan kreatif (termasuk penyiaran)
- Tarian
- Drama
- Sejarah filem dan teater
- Sejarah muzik
- Muzik
- Muzikologi
- Sains teater/ teater

Termasuk

Pengajian mengenai sejarah dan teori muzik serta seni persembahan adalah termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Latihan tenaga pengajar dalam muzik dan seni persembahan lain adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0114 ‘Latihan tenaga pengajar dengan pengkhususan subjek’. Latihan guru dalam muzik dan seni persembahan lain tidak termasuk dalam bidang perincian ini dan termasuk dalam bidang perincian 0114 ‘Latihan pendidik dengan pengkhususan subjek’.

0216 Pengajian filem, televisyen dan skrin

Pengajian filem, televisyen dan skrin merupakan pengajian mengenai pergerakan imej. Ia melibatkan analisis kritikal terhadap pergerakan imej dalam bentuk filem, rancangan televisyen dan jenis media di skrin lain (seperti filem dan video dalam talian) dan memahami tempatnya dalam konteks sosial dan sejarah yang lebih luas.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Pengajian sinema
- Pengajian filem
- Produksi filem dan video
- Pengajian pergerakan imej
- Pengajian skrin
- Pengajian televisyen

022 Kemanusiaan (kecuali bahasa)**0221 Agama dan teologi**

Agama dan teologi adalah bidang pengajian mengenai kepercayaan agama, konsep, simbol, ungkapan dan teks kerohanian kecuali pengajian agama Islam.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Sejarah keagamaan
- Pengajian kitab suci
- Pengajian pelbagai agama
- Teologi

Termasuk

Termasuk dalam bidang perincian ini adalah program bagi kanak-kanak dan belia yang biasa disampaikan di sekolah agama atau seminar, di biara dan lain-lain, yang bertujuan untuk mengembangkan minat terhadap prinsip agama mereka dan memahami secukupnya falsafah untuk membantu menyebarkan kepercayaan mereka.

Tidak termasuk

Program asas yang disampaikan di sekolah agama, seminar dan lain-lain mengandungi suruhan agama tetapi tidak menekankan ke arah kerjaya agama adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0011 ‘Program dan kelayakan asas’. Kelayakan dan program syariah islam adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0421 ‘Undang-undang’. Pengajian Islam adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0224 ‘Pengajian Islam’.

0222 Sejarah dan arkeologi

Sejarah adalah bidang pengajian mengenai masa lampau terutamanya berkaitan politik, sosial dan pembangunan ekonomi sesebuah negara, benua atau dunia. Sejarah perubatan dikelaskan di sini begitu juga pengajian mengenai sejarah dan idea sains. **Arkeologi** adalah bidang pengajian peradaban kuno melalui analisis saintifik berdasarkan penemuan di lapangan.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Arkeologi
- Sejarah kebudayaan
- Pengajian hikayat rakyat
- Sejarah
- Sejarah kesusasteraan
- Sejarah perubatan
- Sejarah sains dan idea
- Sejarah teknologi

Termasuk

Pemeliharaan dan pemuliharaan warisan seni adalah termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Pengajian mengenai kesusasteraan yang menggabungkan pengajian bahasa tertentu adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0232 ‘Kesusasteraan dan linguistik’.

Pengajian mengenai bahasa klasik (Latin dan lain-lain) adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0231 ‘Pemerolehan bahasa’.

Pengajian mengenai sejarah kesenian adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0213 ‘Seni halus’.

Pengajian mengenai sejarah muzik dan seni persembahan adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0215 ‘Muzik dan seni persembahan’.

Pengajian mengenai sejarah ekonomi adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0311 ‘Ekonomi’.

0223 Falsafah dan etika

Falsafah dan etika adalah bidang pengajian mengenai falsafah, etika dan subjek yang berkaitan dengan konsep kehidupan.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Etika
- Logik
- Moral
- Falsafah

Tidak termasuk

Pengajian mengenai agama adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0221 ‘Agama dan teologi’.

Pengajian mengenai falsafah kesenian adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0213 ‘Seni halus’.

0224 Pengajian Islam

Pengajian Islam adalah bidang pengajian mengenai kepercayaan, konsep dan kerohanian berhubung agama Islam.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Al-Quran dan hadis
- Akidah
- Dakwah dan usuluddin
- Falaq syarie
- Fiqh dan usul fiqh
- Fatwa
- Tamadun Islam
- Falsafah Islam
- Sains Islam
- Qada’ dan siyarah syar’iyyah

Termasuk

Program pengajian bagi kanak-kanak dan belia di Institusi Pengajian Islam (Pusat Tahfiz) juga termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Program dan kelayakan Syariah Islam adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan dalam bidang perincian 0421 ‘Undang-undang’. Falak (astronomi) adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan dalam bidang perincian 0533 ‘Fizik’.

023 Bahasa

0231 Pemerolehan bahasa

Pemerolehan bahasa adalah bidang pengajian mengenai struktur dan komposisi bahasa yang diajar sebagai bahasa kedua atau bahasa asing (bertujuan untuk pengajaran kepada bukan penutur asal atau penutur yang tidak fasih dalam bahasa berkenaan). Ia termasuk pengajian mengenai kebudayaan, kesusasteraan, linguistik dan fonetik sekiranya berkaitan dengan bahasa tertentu yang diperoleh dan membentuk sebahagian dari program dan kelayakan yang sama. Bahasa klasik atau ‘bahasa mati’ adalah termasuk di sini dengan andaian tiada lagi penutur bahasa berkenaan maka, kaedah pengajaran dan juga kandungan kurikulum adalah sama dengan pengajaran bahasa asing.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Bahasa klasik
- Kesusasteraan Inggeris
- Bahasa eksogen
- Bahasa asing
- Pentafsiran
- Bahasa kedua, contoh Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua
- Bahasa isyarat
- Penterjemahan

Termasuk

Pengajian Bahasa dan linguistik adalah termasuk di sini sekiranya linguistik adalah mengenai bahasa tertentu atau bahasa yang diperoleh dan membentuk sebahagian daripada program atau kelayakan. Penterjemahan dan pentafsiran juga termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Pengajian bahasa ibunda atau bahasa pertama (contohnya yang melibatkan penutur asal atau penutur yang fasih di dalam bahasa berkenaan), walaupun bahasa tersebut bukan bahasa kebangsaan negara pengajian (contohnya program untuk imigran yang mempelajari bahasa ibunda mereka) adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0232 ‘Kesusasteraan dan linguistik’.

0232 Kesusasteraan dan linguistik

Kesusasteraan dan linguistik adalah didefinisikan sebagai pengajian bahasa yang melibatkan penutur asal, penutur yang fasih atau cekap di dalam bahasa berkenaan. Ia juga termasuk pengajian berkaitan kesusasteraan dan linguistik yang melibatkan atau tidak melibatkan struktur dan komposisi bahasa tersebut.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Linguistik perbandingan gunaan
- Kesusasteraan kanak-kanak
- Kesusasteraan klasik dan zaman pertengahan
- Kesusasteraan perbandingan
- Penulisan kreatif
- Pengajian wacana
- Bahasa pertama
- Bahasa etnik (contoh: Kadazan, Iban, Orang Asli)
- Linguistik
- Bahasa dan linguistik
- Kesusasteraan
- Bahasa ibunda (contoh: Mandarin, Tamil)
- Bahasa penutur asal
- Fonetik
- Kesusasteraan dunia

Termasuk

Bahasa yang diajar sebagai bahasa pertama (“bahasa ibunda”), walaupun bahasa tersebut bukan bahasa kebangsaan negara pengajian (contohnya program untuk imigran yang mempelajari bahasa ibunda mereka) dimasukkan di sini. Bahasa tempatan dan wilayah termasuk di sini jika ia merupakan bahasa pertama yang dituturkan oleh minoriti yang signifikan di negara ini dan ditujukan kepada sekurang-kurangnya penutur bahasa yang kompeten.

Pengajian kesusasteraan perbandingan dimasukkan di sini. Pengajian linguistik umum (tidak berkaitan dengan kajian bahasa tertentu) termasuk di sini. Pengajian sastera secara umum (tidak digabungkan dengan pengajian bahasa khas) dimasukkan di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Program bahasa adalah dikecualikan dari bidang perincian ini sekiranya bahasa yang diajar merupakan bahasa asing atau bahasa kedua, dan perlu dimasukkan di bawah bidang perincian 0231 ‘Pemerolehan bahasa’.

Program literasi dan numerasi adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0021 ‘Literasi dan numerasi’.

Program bahasa isyarat adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0231 ‘Pemerolehan bahasa’.

0233 Bahasa kebangsaan

Bahasa kebangsaan adalah pengajian mengenai Bahasa Malaysia berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. Ia merangkumi pengajian struktur dan komposisi bahasa tersebut.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

Pengajian Bahasa Melayu
Pengajian bahasa Melayu kontemporari
Tatabahasa Melayu

Tidak termasuk

Program bahasa adalah dikecualikan dari bidang perincian ini sekiranya bahasa yang diajar merupakan bahasa asing atau bahasa kedua, dan perlu dimasukkan di bawah bidang perincian 0231 ‘Pemerolehan bahasa’.

Program literasi dan numerasi adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0021 ‘Literasi dan numerasi’.

Program bahasa isyarat adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0231 ‘Pemerolehan bahasa’.

Kesusasteraan Melayu dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0232 ‘Kesusasteraan dan linguistik’.

028 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sastera dan kemanusiaan

0288 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sastera dan kemanusiaan

Program dan kelayakan antara-disiplin yang mana masa pembelajaran paling banyak diperuntukkan kepada sastera dan kemanusiaan adalah dikelaskan di dalam bidang perincian ini.

03 SAINS SOSIAL, KEWARTAWANAN DAN MAKLUMAT

031 Sains tingkah laku dan sosial

0311 Ekonomi

Ekonomi adalah pengajian mengenai polisi, teori dan pembuatan keputusan di dalam ekonomi.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Ekonometrik
- Sejarah ekonomi
- Ekonomi
- Ekonomi politik

Tidak termasuk

Pengajian mengenai ekonomi yang menekankan kepada pengajian perniagaan adalah dikecualikan daripada pengkhususan ini dan dikategorikan di bawah 041 ‘Perniagaan dan pengurusan’. Pengajian mengenai ekonomi rumah tangga adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 1011 ‘Perkhidmatan domestik’.

0312 Dasar awam dan sains politik

Dasar awam dan sains politik adalah pengajian mengenai politik nasional dan antarabangsa yang meliputi kerajaan, negeri dan pelaku bukan negara (*non-state actors*) yang bertindak terhadap isu dan permasalahan nasional dan antarabangsa. Pengajian mengenai hak dan tanggungjawab rakyat dan warganegara adalah termasuk di sini.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Sivik
- Politik alam sekitar
- Tadbir urus global
- Hak asasi manusia
- Ekonomi politik antarabangsa
- Hubungan antarabangsa
- Pengajian migrasi
- Pengajian keamanan dan konflik
- Sejarah politik
- Sains politik
- Pengajian dasar awam
- Regionalisme
- Pergerakan sosial
- Urbanisasi

Tidak termasuk

Pengajian mengenai ekonomi politik adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0311 ‘Ekonomi’.

0313 Psikologi

Psikologi adalah pengajian mengenai pemikiran manusia dan tingkah laku hasil perbezaan individu, pengalaman dan persekitaran.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Sains kognitif
- Psikoanalisis
- Psikologi
- Psikoterapi
- Psikologi pendidikan
- Psikologi perkembangan
- Psikologi industri
- Psikologi sukan
- Neuropsikologi

0314 Sosiologi dan pengajian kebudayaan

Sosiologi dan pengajian kebudayaan adalah pengajian mengenai manusia serta tata kelakuan dan hubungan dengan masyarakat. Pengajian mengenai etnologi, sosial antropologi dan isu gender adalah termasuk di sini, begitu juga pengajian mengenai manusia dan geografi sosial.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Kriminologi
- Geografi kebudayaan
- Pengajian kebudayaan
- Pengajian populasi/ demografi
- Etnologi
- Pengajian gender
- Antropologi sosial
- Sosiologi

Tidak termasuk

Kebajikan sosial yang memberi penekanan kepada praktikal kerja sosial adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0923 'Kaunseling dan kerja sosial'.

Geografi fizikal adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di bawah bidang perincian 0532 'Sains kaji bumi'.

032 Kewartawanan, maklumat dan komunikasi

0321 Kewartawanan dan pelaporan

Kewartawanan dan pelaporan adalah pengajian mengenai teori dan praktis kewartawanan/ pelaporan. Kewartawanan dan pelaporan adalah merujuk kepada perkataan dan kandungan di dalam konteks hebahan. Ia merangkumi pelaporan berita, penulisan komentar dan paparan berita mengenai kepentingan awam.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Kewartawanan penyiaran
- Suntingan
- Maklumat (ayat dan kandungan)
- Kewartawanan
- Pelaporan berita

Tidak termasuk

Pengajian mengenai teknik komunikasi massa (contohnya; percetakan dan penerbitan radio/ TV) dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan ke dalam bidang perincian 0211 ‘Teknik audio visual dan penerbitan media’.

Pengajian mengenai susun atur dan reka bentuk penerbitan dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian 0211 ‘Teknik audio visual dan penerbitan media’.

Pengajian mengenai perhubungan awam dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan ke dalam 0415 ‘Pemasaran dan pengiklanan’.

0322 Pengajian arkib, maklumat dan perpustakaan

Pengajian arkib, maklumat dan perpustakaan adalah bidang pengajian mengenai kaedah pemilihan, perolehan, penyusunan dan penyimpanan koleksi maklumat serta memudah cara penggunaan maklumat. Pengajian perpustakaan dan muzium adalah termasuk di dalam bidang ini.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Sains arkib
- Pengajian kurator
- Dokumentasi
- Sains maklumat
- Pengajian perpustakaan
- Dokumentasi muzium
- Pengajian muzium
- Museologi

Tidak termasuk

Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kesenian dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian 0222 ‘Sejarah dan arkeologi’.

0323 Media dan komunikasi

Media dan komunikasi adalah bidang pengajian mengenai industri media, teknologi, teks dan pelanggan.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Komunikasi
- Media digital
- Komunikasi massa
- Pengajian media
- Perhubungan awam

038 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains sosial, kewartawanan dan maklumat

0388 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains sosial, kewartawanan dan maklumat

Program dan kelayakan antara-disiplin yang mana masa pembelajaran paling banyak diperuntukkan kepada sains sosial, kewartawanan dan maklumat adalah dikelaskan di dalam bidang perincian ini.

04 PERNIAGAAN, PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN

041 Perniagaan dan pengurusan

0411 Perakaunan, pengauditan dan percukaian

Perakaunan, pengauditan dan percukaian adalah bidang pengajian mengenai penyelenggaraan, pengauditan dan perekodan transaksi kewangan.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Perakaunan
- Pengauditan
- Simpan kira
- Percukaian perniagaan
- Perakaunan kos dan pengurusan
- Pelaporan kewangan
- Insolvensi
- Perakaunan cukai
- Pengurusan cukai

Tidak termasuk

Pengajian undang-undang percukaian dikecualikan daripada bidang perincian ini dan termasuk di bawah bidang perincian 0421 ‘Undang-undang’.

0412 Kewangan, perbankan dan insurans

Kewangan, perbankan dan insurans adalah bidang pengajian mengenai perancangan, hala tuju, penyusunan dan pengawalan aktiviti serta perkhidmatan kewangan. Ia termasuk pengawalan dan pemantauan sumber-sumber kewangan sesebuah organisasi, institusi dan individu serta peruntukan perkhidmatan kewangan di peringkat korporat dan individu.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Pengajian juruwang bank
- Perbankan dan kewangan
- Kewangan korporat
- Pengurusan kewangan
- Pengurusan risiko
- Teori kewangan
- Insurans
- Analisis pelaburan
- Pelaburan dan keselamatan
- Insurans pencegahan
- Insurans sosial
- Broker saham

Tidak termasuk

Pengajian sains aktuari tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0542 ‘Statistik’.

0413 Perbankan dan kewangan Islam

Perbankan dan kewangan Islam adalah bidang pengajian mengenai perancangan, hala tuju, penyusunan dan pengawalan aktiviti serta perkhidmatan kewangan berlandaskan Syariah (Perundangan Islam). Ia termasuk pengawalan dan pemantauan sumber kewangan sesebuah organisasi, institusi dan individu serta peruntukan perkhidmatan kewangan di peringkat korporat dan individu.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Perbankan dan kewangan Islam
- Perdagangan Islam
- Mu'amalat
- Takaful

Tidak termasuk

Pengajian pengurusan industri halal tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0414 ‘Pengurusan dan pentadbiran’.

0414 Pengurusan dan pentadbiran

Pengurusan dan pentadbiran adalah bidang pengajian mengenai perancangan, hala tuju dan pengoperasian fungsi serta aktiviti organisasi dan institusi. Program di dalam bidang pengurusan yang merangkumi pentadbiran, ekonomi, kewangan dan lain-lain adalah termasuk di dalam pengkhususan ini sekiranya penekanan diberikan kepada bidang pengurusan dan pentadbiran.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Pentadbiran
- Pengurusan perubahan
- Pengurusan pendidikan
- Pengurusan pekerjaan
- Keusahawanan
- Perniagaan am
- Pengurusan industri halal
- Pentadbiran kesihatan
- Pengurusan sumber manusia
- Perniagaan antarabangsa
- Pengurusan logistik
- Sains pengurusan
- Pengajaran pengurusan
- Pengurusan pejabat
- Teori dan tingkah laku organisasi
- Pentadbiran personel
- Pengurusan personel
- Pengurusan projek
- Pengurusan strategi
- Pengurusan rantaian bekalan
- Pengurusan latihan
- Pengurusan borong dan runcit

Termasuk

Pengajian mengenai kepimpinan dalam konteks pengurusan adalah termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Latihan di dalam kepimpinan dalam konteks pembangunan kendiri adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian 0031 ‘Kemahiran kendiri’.

Pengajian mengenai pentadbiran berkaitan tugas pejabat dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian ini 0416 ‘Kesetiausahaan dan pengajian pengurusan pejabat’. Pengurusan dan penilaian harta tanah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian 0734 ‘Kaji ukur’.

0415 Pemasaran dan pengiklanan

Pemasaran dan pengiklanan adalah bidang pengajian mengenai proses mempromosikan pertukaran barang dan perkhidmatan antara organisasi dan/ atau individu serta pengajian mengenai tingkah laku dan keperluan pengguna. Ia termasuk pengajian mengenai peranan pembangunan produk, harga, pengedaran, promosi dan jualan bagi memaksimumkan prestasi perniagaan.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Pengiklanan
- Tingkah laku pengguna
- Francais
- Penyelidikan pemasaran
- Pemasaran
- Perdagangan
- Perniagaan dan pemasaran digital
- Perhubungan awam

0416 Kesetiausahaan dan pengajian pengurusan pejabat

Kesetiausahaan dan pengajian pengurusan pejabat adalah bidang pengajian mengenai prosedur dan amalan pentadbiran, perkeranian dan teknologi pejabat serta kemahiran trengkas dan menaip. Program kesetiausahaan khusus (dwibahasa, perubatan, perundangan, perakaunan dan sebagainya) adalah termasuk di dalam pengkhususan ini sekiranya objektif program pengajian tersebut adalah berkaitan dengan tugas kesetiausahaan dan bukannya sebagai pembantu khas.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Perkhidmatan pentadbiran dan kesetiausahaan
- Program perkeranian
- Kemasukan data
- Program kesetiausahaan bahasa asing
- Kemahiran menaip
- Program kesetiausahaan perundangan
- Program kesetiausahaan perubatan
- Operasi peralatan pejabat
- Latihan penyambut tetamu
- Program kesetiausahaan
- Stenografi
- Pengoperasian papan suis

Termasuk

Program kesetiausahaan umum yang merangkumi kursus komputer adalah termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Program atau kelayakan berasingan di dalam penggunaan perisian komputer yang spesifik adalah dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian 0614 ‘Penggunaan komputer’.

Pengurusan pejabat dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian 0414 ‘Pengurusan dan pentadbiran’.

Program penyambut tetamu hotel tidak termasuk dalam bidang perincian ini dan termasuk dalam bidang perincian 1013 ‘Hotel, restoran dan katering’.

0417 Kemahiran pekerjaan

Kemahiran pekerjaan adalah bidang pengajian mengenai struktur dan fungsi berhubung dunia pekerjaan. Ia terdiri daripada program-program terutamanya yang diberikan sebagai latihan kepada kakitangan berhubung tempat kerja dan tugas kerja.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Keperluan pelanggan
- Pengetahuan syarikat
- Pengurusan konflik
- Etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat
- Latihan perkhidmatan pelanggan
- Hubungan industri
- Kursus ‘Pengenalan kepada pekerjaan’
- Pengurusan tenaga kerja pelbagai
- Organisasi tempat kerja
- Jaminan kualiti
- Latihan dan pembangunan
- Pembangunan kerjaya

Termasuk

Latihan kepada kakitangan berhubung tempat atau tugas kerja termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Latihan yang berkaitan dengan tempat kerja atau tugas kerja adalah dikecualikan dari bidang perincian ini sekiranya ia lebih menekankan kepada pembangunan kendiri berbanding pembangunan kerja dan dimasukkan di dalam bidang perincian 0031 ‘Kemahiran kendiri’.

Latihan kepada kakitangan yang boleh dikelaskan di bawah bidang pengkhususan lain dikecualikan daripada bidang pengkhususan ini dan dimasukkan di dalam bidang yang bersesuaian (contohnya; kursus kualiti, jika melibatkan kemahiran teknikal perlu dimasukkan di dalam bidang pengkhususan 071 ‘Kejuruteraan dan tred kejuruteraan’).

Program di dalam persekitaran kerja perlu dimasukkan di dalam bidang perincian 1022 ‘Kesihatan dan keselamatan pekerjaan’.

Program terutamanya di peringkat tertiar berkaitan dengan dunia pekerjaan secara umum yang melibatkan pasaran buruh, hubungan sosial, psikologi industri dan sebagainya adalah dikecualikan dari bidang pengkhususan ini dan dimasukkan di dalam bidang pengkhususan 031 ‘Sains tingkah laku dan sosial’.

042 Undang-undang

0421 Undang-undang

Undang-undang adalah bidang pengajian mengenai prinsip dan prosedur untuk menyelenggara peraturan sosial secara formal termasuk latihan kepada profesion perundangan seperti penasihat undang-undang atau latihan kepada pegawai judisiari.

Program dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Undang-undang perbankan
- Undang-undang komersial
- Pengajian undang-undang jenayah
- Undang-undang persaingan
- Sejarah perundangan
- Undang-undang adat
- Undang-undang perdagangan antarabangsa
- Perundangan
- Undang-undang perburuhan
- Amalan perundangan
- Amalan notari
- Pengajian paralegal
- Undang-undang syariah
- Undang-undang percukaian

Tidak termasuk

Program pelapor mahkamah dan setiausaha undang-undang dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian 0416 ‘Kesetiausahaan dan pengajian pengurusan pejabat’.

Pengajian kepolisan dikecualikan dari bidang perincian ini dan dimasukkan di dalam bidang perincian 1032 ‘Perlindungan diri dan harta benda’.

048 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan perniagaan, pentadbiran dan undang-undang

0488 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan perniagaan, pentadbiran dan undang-undang

Program dan kelayakan antara-disiplin yang mana masa pembelajaran paling banyak diperuntukkan kepada perniagaan, pentadbiran dan undang-undang adalah dikelaskan di dalam bidang perincian ini.

Termasuk

Pengajian mengenai perniagaan dan pengurusan yang tidak memberi penekanan kepada mana-mana bidang pengkhususan di bawah kod 041 dimasukkan di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Program perniagaan yang memberi penekanan di bawah mana-mana bidang pengkhususan 041 ‘Perniagaan dan pengurusan’ (pentadbiran, pemasaran dan sebagainya) perlu dikelaskan mengikut pengkhususan tersebut.

05 SAINS SEMULAJADI, MATEMATIK DAN STATISTIK

051 Biologi dan sains berkaitan

0511 Biologi

Biologi adalah bidang pengajian mengenai struktur, fungsi, reproduksi, perkembangan, evolusi dan tingkah laku semua organisma hidup.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

Biologi gunaan (termasuk agrobiologi, entomologi, biologi akuatik, biodiversiti, biologi pemuliharaan, biologi persekitaran)
 Bioinformatik
 Biologi
 Botani (termasuk sains tumbuhan, sains tumbuhan gunaan)
 Biologi sel
 Entomologi
 Genetik
 Mikrobiologi
 Biologi molekul
 Mikologi
 Virologi
 Zoologi

Tidak termasuk

Pengajian sains persekitaran iaitu bidang pengajian mengenai hubungan di antara organisma hidup dan persekitaran adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0521 'Sains alam sekitar'.

Pengajian proses kimia di dalam organisma hidup (biokimia, toksikologi, farmakologi dan lain-lain) adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0512 'Biokimia'.

0512 Biokimia

Biokimia, dikenali juga sebagai biologi kimia adalah bidang pengajian mengenai tindak balas kimia di dalam organisma hidup dan tidak terhad kepada benda hidup.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

Biologi kimia
 Biofizik
 Bioteknologi
 Teknologi sel
 Sains forensik
 Kejuruteraan genetik
 Farmakologi
 Teknologi kultur tisu
 Toksikologi
 Virologi

052 Alam sekitar

0521 Sains alam sekitar

Sains alam sekitar adalah bidang pengajian sains fizikal dan biologi berkaitan isu persekitaran dan kesan kemanusiaan kepada persekitaran.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Sains atmosfera
- Ekologi
- Sains persekitaran (termasuk kimia persekitaran)
- Kesihatan alam sekitar
- Pengurusan alam sekitar

Tidak termasuk

Bidang pengajian biologi dan toksikologi tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang pengkhususan 051 ‘Biologi dan sains berkaitan’.

0522 Persekutaran semula jadi dan hidupan liar

Persekutaran semula jadi dan hidupan liar adalah bidang pengajian mengenai hubungan di antara organisma hidup di dalam persekitaran semula jadi bertujuan untuk melindungi alam semulajadi dan hidupan liar. Ia termasuk pengajian untuk membangunkan dan menyelenggara taman negara bagi mengekalkan keadaan asalnya.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Sains atmosfera
- Ekologi
- Sains persekitaran (termasuk kimia persekitaran)
- Kesihatan alam sekitar
- Pengurusan alam sekitar
- Pengurusan taman negara dan hidupan liar
- Pemuliharaan alam sekitar
- Hidupan liar

Tidak termasuk

Pengajian pertanian, hortikultur dan perhutanan adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang pengajian 08 ‘Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar’.

Pengajian mengenai perangkap dan perburuan serta pemuliharaan hutan adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0821 ‘Perhutanan’.

053 Sains fizikal

0531 Kimia

Kimia adalah bidang pengajian mengenai bahan yang jirimnya dikompos, penyelidikan mengenai unsur dan tindak balas yang berlaku serta pembentukan bahan baharu hasil daripada tindak balas yang terlibat.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

Kimia analitik

Kimia gunaan (termasuk oleokimia, kimia industri, teknologi kimia, kosmetik, kimia petroleum, instrumentasi kimia, sains forensik, produk kimia sumber asli, kimia perubatan)

Biologi kimia

Kimia pengkomputeran

Kimia organik

Kimia tidak organik

Kimia fizikal

Teoritikal kimia

Tidak termasuk

Biokimia adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0512 ‘Biokimia’.

0532 Sains kaji bumi

Sains kaji bumi adalah bidang pengajian mengenai komposisi dan struktur bumi termasuk hidrosfera dan atmosfera.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Geologi gunaan
- Geofizik gunaan
- Klimatologi
- Geosains
- Geologi ekonomi
- Geologi persekitaran
- Geologi kejuruteraan
- Geokimia
- Geokronologi
- Geodesi
- Geografi (fizikal)
- Geohazard
- Geologi
- Geofizik
- Teknologi geospatial
- Hidrogeologi
- Geologi marin
- Sains marin (termasuk teknologi & sains marin)
- Meteorologi
- Mineralogi
- Sains sumber asli
- Oseanografi
- Petrologi
- Geologi petroleum
- Eksplorasi dan prospek
- Geologi serantau
- Fizik batuan
- Mekanik batuan
- Seismologi
- Stratigrafi dan paleontologi
- Geologi struktur dan tektonik
- Volkanologi

Tidak termasuk

Geografi sosial adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0314 ‘Sosiologi dan pengajian kebudayaan’. Sains tanah juga tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0811 ‘Penghasilan tanaman dan ternakan’.

0533 Fizik

Fizik adalah bidang pengajian mengenai bahan dan interaksi di antara tenaga dan jirim, serta termasuk pengajian mengenai sains angkasa dan astronomi.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

Fizik gunaan (termasuk fizik industri, fizik kejuruteraan, fizik keadaan pepejal, fizik instrumentasi)

Astronomi

Astrofizik

Sains instrumentasi

Sains nuklear (termasuk keselamatan nuklear dan radiasi, keselamatan, kawalan perlindungan & keselamatan)

Optik

Fizik

Geofizik tulen

Sains angkasa

Fizik pengkomputeran dan teoritikal

Tidak termasuk

Amalan juruoptik adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0914 ‘Diagnosis perubatan dan teknologi rawatan’.

054 Matematik dan statistik

0541 Matematik

Matematik adalah bidang pengajian sistem deduktif abstrak. Ia termasuk algebra, aritmetik, geometri, analisis sebenar dan kompleks serta matematik tulen dan gunaan.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

Algebra

Matematik gunaan

Matematik kewangan

Geometri

Matematik

Sains matematik

0542 Statistik

Statistik adalah bidang pengajian mengenai pengumpulan, perincian, penyusunan dan analisis data numerik serta teori kebarangkalian dan sains aktuari.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

Statistik

Sains aktuari

Statistik gunaan (termasuk analitik data, sains pembuatan keputusan)

Termasuk

Pengajian statistik matematik (teoritikal) adalah termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Demografi/ pengajian populasi adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0314 ‘Sosiologi dan pengajian kebudayaan’.

058 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains semula jadi, matematik dan statistik

0588 Program dan kelayakan antara-disiplin yang melibatkan sains semula jadi, matematik dan statistik

Program dan kelayakan antara-disiplin yang mana masa pembelajaran paling banyak diperuntukkan kepada sains semula jadi, matematik dan statistik adalah dikelaskan di dalam bidang perincian ini.

Kandungan

Sains bahan
Tenaga diperbaharui

06 TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

061 Teknologi maklumat dan komunikasi

0611 Teknologi maklumat dan sistem maklumat

Teknologi maklumat adalah bidang pengajian mengenai pemilihan, penciptaan, aplikasi, integrasi dan pentadbiran teknologi pengkomputeran untuk memenuhi keperluan teknologi, kerajaan, penjagaan kesihatan, sekolah, institusi TVET dan lain-lain organisasi.

Sistem maklumat adalah bidang pengajian mengenai integrasi di antara penyelesaian teknologi maklumat dengan proses kerja bagi memenuhi keperluan maklumat organisasi dan lain-lain perusahaan. Perspektif disiplin teknologi maklumat menekankan maklumat dan pandangan teknologi sebagai instrumen untuk menjana, memproses dan menyebarkan maklumat.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Perkhidmatan pengkomputeran awam (CCS)
- Aplikasi media komputer/ multimedia
- Pemasangan dan penyelenggaraan rangkaian komputer
- Pengajian pentadbiran pangkalan data
- Reka bentuk pangkalan data
- e-dagang
- Keselamatan dan jaminan kualiti maklumat
- Sains maklumat
- Strategi dan dasar teknologi maklumat/ sistem maklumat
- Pengurusan dan pentadbiran teknologi maklumat/ sistem maklumat
- Sistem pengurusan maklumat (MIS)
- Pengkomputeran mobil
- Kreatif multimedia
- Reka bentuk dan pentadbiran rangkaian
- Aplikasi dan reka bentuk laman sesawang

Tidak termasuk

Program pengajian dan kelayakan bagi penggunaan aplikasi komputer adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0614 ‘Penggunaan komputer’.

0612 Kejuruteraan perisian

Kejuruteraan perisian adalah bidang pengajian pembangunan perisian secara sistematik dan penyelenggaraan sistem secara efisien dan boleh dipercayai, mampu dibangunkan dan diselenggara serta berdasarkan spesifikasi pelanggan.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Kaedah dan teknologi pembinaan perisian
- Kejuruteraan keperluan perisian
- Seni bina perisian
- Pembangunan perisian
- Analisis dan pemodelan perisian
- Jaminan kualiti perisian
- Proses perisian
- Pengujian perisian
- Analisis risiko dan anggaran perisian
- Pengurusan perisian

Tidak termasuk

Program pengajian dan kelayakan bagi penggunaan aplikasi komputer adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0614 ‘Penggunaan komputer’.

Kejuruteraan komputer (perkakasan) adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0713 ‘Elektronik dan automasi’.

0613 Sains komputer

Sains komputer adalah bidang pengajian mengenai teori dan asas algoritma di dalam pembangunan teknologi komputer meliputi robotik, visi komputer, kecerdasan sistem, bioinformatik, pengkomputeran forensik dan pelbagai bidang lain. Ia melibatkan reka bentuk dan pelaksanaan perisian, merangka kaedah baharu penggunaan komputer dan membangunkan kaedah efektif untuk menyelesaikan masalah pengkomputeran.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Kecerdasan buatan
- Bioinformatik
- Forensik komputer
- Rangkaian komputer
- Pengaturcaraan komputer
- Analisis sistem & reka bentuk komputer
- Keselamatan siber
- Sains data
- Sistem *embedded*
- Teknologi permainan
- Informatik
- Internet perkara (IoT)
- Pembelajaran mesin
- Sistem operasi
- Pembangunan bahasa pengaturcaraan
- Reka bentuk antaramuka pengguna

Tidak termasuk

Kejuruteraan komputer (perkakasan) adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0713 ‘Elektronik dan automasi’.

Program pengajian dan kelayakan bagi penggunaan aplikasi komputer adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0614 ‘Penggunaan komputer’.

0614 Penggunaan komputer

Penggunaan komputer adalah bidang pengajian mengenai cara penggunaan dan perisian komputer serta aplikasi bagi pelbagai tujuan. Program yang terlibat kebiasaannya bagi jangka masa pendek.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Penggunaan komputer
- Penggunaan perisian bagi analitis/ pemprosesan data
- Penggunaan perisian bagi pengiraan/ komputasi (lembaran kerja)
- Penggunaan perisian bagi penerbitan desktop
- Penggunaan perisian bagi pemprosesan ayat
- Penggunaan internet
- Penggunaan aplikasi perniagaan & sosial
- Penggunaan enjin carian awam

068 Program dan kelayakan antara-disiplin melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi

0688 Program dan kelayakan antara-disiplin melibatkan teknologi maklumat dan komunikasi

Program dan kelayakan antara-disiplin yang mana masa pembelajaran paling banyak diperuntukkan kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah dikelaskan di dalam bidang perincian ini.

07 KEJURUTERAAN, PEMBUATAN DAN PEMBINAAN

071 Kejuruteraan dan tred kejuruteraan

0711 Kejuruteraan kimia dan proses

Kejuruteraan kimia dan proses adalah bidang pengajian mengenai perancangan, reka bentuk dan pembangunan produk serta proses yang melibatkan perubahan kimia dan fizikal. Ia melibatkan mereka bentuk loji kimia dan sistem kawalan.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Kejuruteraan bio-proses
- Kejuruteraan kimia
- Kejuruteraan proses kimia
- Teknologi makmal
- Pemprosesan minyak/ gas/ petrokimia
- Operasi loji dan mesin (pemprosesan)
- Keselamatan proses
- Teknologi proses
- Kejuruteraan lemak dan minyak
- Pemprosesan minyak sawit
- Operasi loji

Termasuk

Teknologi makmal adalah termasuk di dalam bidang perincian ini sekiranya penekanan kepada aplikasi khusus tidak diberikan.

Tidak termasuk

Teknologi makmal adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini sekiranya penekanan diberikan kepada aplikasi khusus (biologi, perubatan dan lain-lain) serta termasuk di dalam bidang perincian yang berkaitan (0914 dan lain-lain). Bioteknologi adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0512 ‘Biokimia’.

Program dan kelayakan dengan penekanan kepada pengeluaran bahan khusus adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini (contoh: pengajian dengan penekanan kepada pemprosesan kertas perlu dimasukkan di dalam bidang perincian 0722 ‘Bahan (kaca, kertas, plastik, kayu)’).

0712 Kuasa elektrik dan tenaga

Kuasa elektrik dan tenaga adalah bidang pengajian yang melibatkan pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan dan diagnosis kepincangan di dalam pendawaian elektrik dan perkakasan yang berkaitan bagi penggunaan domestik, komersial dan industri. Pemasangan dan penyelenggaraan rangkaian sebaran elektrik bawah tanah dan overhead adalah termasuk di sini. Tenaga adalah bidang pengajian mengenai penjanaan tenaga.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Tred pendingin hawa
- Kejuruteraan iklim
- Pembaikan alatan elektrik
- Kejuruteraan elektrik
- Pemasangan elektrik
- Penjanaan kuasa elektrik
- Tred elektrik
- Pengajian tenaga
- Pengagihan gas
- Tred pemanasan
- Tenaga nuklear, hidraulik dan termal
- Pemasangan dan penyelenggaran saluran kuasa
- Penghasilan kuasa
- Penyejukan
- Kuasa solar
- Turbin angin

Termasuk

Pengajian pemasangan, diagnosis kepincangan dan pembaikan peralatan pemanasan, penyaman udara dan penyejukan termasuk di dalam bidang perincian ini.

Tidak termasuk

Pengajian mengenai sistem elektrik kenderaan adalah tidak termasuk di dalam bidang perincian ini dan termasuk di dalam bidang perincian 0715 ‘Kenderaan bermotor, kapal dan pesawat udara’.

0713 Elektronik dan automasi

Elektronik dan automasi adalah bidang pengajian mengenai perancangan, reka bentuk, pembangunan penyelenggaraan dan pemantauan peralatan elektronik, mesin dan sistem. Ia termasuk mereka bentuk komputer dan peralatan komunikasi.

Program pengajian dan kelayakan dengan kandungan utama berikut adalah dikelaskan di bawah bidang ini:

Kandungan

- Elektronik penyiaran
- Sistem komunikasi
- Pemasangan peralatan komunikasi
- Penyelenggaraan peralatan komunikasi
- Kejuruteraan komputer
- Pembaikan komputer
- Kejuruteraan kawalan
- Teknologi prosesan data
- Teknologi digital
- Elektronik dan automasi
- Kejuruteraan elektronik
- Perkhidmatan peralatan elektronik
- Teknologi rangkaian
- Robotik
- Teknologi telekomunikasi
- Pembaikan televisyen dan radio

Tidak termasuk

